

# Pencemaran: Sungai Juru kekal di tangga teratas

Oleh AZEMAN ARIFFIN

**PULAU PINANG** 15 April - Usaha kerajaan menerusi kempen "Cintailah Sungai Kita" yang dilancarkan kira-kira 13 tahun yang lalu nampaknya tidak ubah seperti mencurah garam ke laut, sekurang-kurangnya bila bercakap tentang pencemaran di Sungai Juru, di sini.

Tanpa rasa berdosa ada di kalangan anggota masyarakat yang memperlekehkan kempen itu dengan terus mengangap sungai tersebut sebagai "tong sampah" besar untuk mereka membuang segala aneka sampah sarap, najis dan bahan buangan kilang termasuk yang bertoksik.

Akibatnya, sungai sepanjang 7.95 kilometer itu terus kekal di tangga teratas sebagai sungai yang paling tercemar di negara ini, manakala Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula menyenaraikannya sebagai salah satu sungai paling tercemar di Asia Tenggara.

Menurut WHO, air sungai itu bukan setakat boleh membunuh apa jua hidupan air, bahkan manusia juga boleh mati jika terminumnya kerana ia beracun dan tahap kualitinya adalah di kategori 5, iaitu begitu tercemar dan tidak boleh diminum walaupun telah dididihkan.

Ia sungguh berbeza dengan senario kira-kira 20 tahun yang lalu di mana Sungai Juru merupakan sebuah sungai yang terkenal sebagai tapak pendaratan nelayan di samping pusat ternakan kerang dan ikan dalam sangkar.

Pencemaran teruk sungai itu sekarang bukan sahaja menjejaskan pendapatan nelayan pantai di sekitarnya, bahkan menyebabkan Pulau Pinang kehilangan

sumber air bersih untuk pelbagai kegunaan termasuk pengairan kawasan pertanian.

Keadaan sungai yang amat menyedihkan itu pernah disuarakan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM) yang berkali-kali membuat kenyataan akhbar dan menjalankan penyelidikan dengan membongkar punca pencemarannya.

Seorang nelayan, Ahmad Din, 50, yang ditemui Bernama berkata kira-kira 20 tahun yang lalu, beliau dengan mudah dapat menangkap udang di Sungai Juru sehingga mampu memperoleh kira-kira RM50 sehari.

"Sekarang bukan sahaja tak ada ikan, rumput tepi sungai pun boleh mati kerana kekotoran," kata beliau yang mengikuti sehari demi sehari kemerosotan kualiti air sungai di kampungnya itu.

Ahmad berkata beliau tidak tahu ke mana lagi aduan hendak disalurkan kerana sehingga ini belum ada sebarang tindakan diambil oleh pihak yang berwajib walaupun aduan demi aduan dibuat oleh penduduk sekitar.


Kerajaan negeri Pulau Pinang bagaimanapun menyangkal dakwaan kononnya ia tidak memberi perhatian terhadap masalah pencemaran di sungai itu, sebaliknya mendakwa "penduduk di sekitarnya yang tidak mahu bekerjasama menjayakan kempen menyintai sungai".

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Azhar Ibrahim berkata walaupun kerajaan berusaha menjalankan kerja pembersihan pada hampir setiap hari, namun sungai itu tetap dipenuhi sampah sarap yang dibuang oleh masyarakat sekeliling.

"Mereka nampaknya masih tidak menghargai sungai sebagai sumber bekalan air yang penting untuk segala makhluk yang

**Sekarang bukan sahaja tak ada ikan, rumput tepi sungai pun boleh mati kerana kekotoran**

— Ahmad Din



**SUNGAI** Juru menjadi tempat membuang pelbagai aneka sampah.

bernyawa," katanya.

Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan negeri kini mengambil beberapa langkah proaktif, termasuk kemungkinan memindahkan penduduk pinggir sungai serta memantau pembangunan di kawasan

sekitarnya.

Katanya sebuah jawatankuasa khas kini menjalankan bancian bagi mengenalpasti jumlah rumah setinggan dan kilang haram di sekitar sungai itu.

— Bernama